

24 MAR 1997

## SYARIKAT MALAYSIA MELABUR DI FILIPINA SELATAN

Oleh: Ali Mamat

ZAMBOANGA CITY, 24 Mac (Bernama) -- Sebuah syarikat Malaysia sedang bersiap sedia untuk melabur dalam pelbagai projek infrastruktur, khususnya perumahan di Filipina Selatan yang meliputi empat Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM) dan 14 wilayah yang ditadbir oleh Majlis Keamanan dan Pembangunan Filipina Selatan (SPCPD).

Buat permulaan, tumpuan syarikat itu, Nadi Perdana Sdn Bhd ialah dalam bidang perumahan kos rendah, yang permintaan terhadapnya di ARMM dan SPCPD dikatakan begitu mendesak sekali.

Satu upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara Nadi Perdana dengan rakan usaha samanya dari Filipina, Minsupala Fastrack Development Corporation bagi melaksanakan projek awal itu telah diadakan di sini 17 Mac lepas, disaksikan oleh Gabenor ARMM yang juga Pengerusi SPCPD, Prof Nur Misuari.

Nadi Perdana diwakili Pengarah Urusannya, Nik Husin Nik Yusoff manakala Minsupala Fastrack oleh Pengerusi Eksekutifnya, Dr Abdurahman U. Amin. Upacara itu berlangsung pada akhir persidangan kali kedua Dewan Musyawarah SPCPD.

Nik Husin berkata, projek awal itu membabitkan pembinaan 5,000 unit rumah kos rendah di Wilayah Palawan, yang akan dilaksanakan sebaik saja kajian daya maju ke atasnya selesai.

Pembinaan rumah-rumah serupa di beberapa kawasan lain turut ditawarkan kepada Nadi Perdana sebagai projek jangka panjang, khususnya untuk menempatkan ribuan anggota keluarga bekas pejuang Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), termasuk di wilayah kubu kuatnya Sulu dan Cotabato.

MNLF menandatangani perjanjian damai dengan kerajaan Filipina pada 2 September lepas, sekali gus menyaksikan kelahiran ARMM dan SPCPD. Pada kemuncak perjuangan menuntut pemerintahan sendiri Bangsa Moro di Mindanao, yang bermula pada 1968, MNLF dikatakan mempunyai lebih 15,000 pejuang bersenjata.

Menurut Nik Husin pelaburan jangka panjang lain yang turut ditawarkan kepada Nadi Perdana ialah perhotelan dan pelancongan. Di samping itu, beberapa pengusaha Filipina juga telah menghubungi Nadi Perdana untuk menjalankan projek usaha sama, termasuk dalam bidang pemprosesan agar-agar dan minyak kelapa.

Wilayah Sulu dan Tawi-Tawi menyumbang kira-kira 80 peratus kepada pengeluaran agar-agar mentah Filipina. Perusahaan itu dikatakan mendatangkan hasil lebih RM5 bilion setahun, dengan Jepun, Eropah dan Amerika sebagai pasaran tradisional dan China pasaran terbaru.

Nadi Perdana yang dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputera ialah syarikat induk kepada Kumpulan Syarikat-syarikat Nadi Perdana, yang bergiat dalam pelbagai aktiviti termasuk hartanah dan pembinaan, teknologi maklumat dan runding cara perniagaan.

Di bawah MoU itu, Minsupala Fastrack bertanggungjawab mengenalpasti tapak-tapak yang sesuai untuk dimajukan bersama dengan Nadi Perdana, mengumpul data-data untuk dijadikan input kepada kajian daya maju yang disediakan oleh Nadi Perdana, memohon apa-apa insentif yang disediakan kerajaan Filipina dan membantu memasarkan produk yang dimajukan bersama.

Nadi Perdana pula akan menyediakan pakej kewangan serta tenaga teknikal bagi melaksanakan projek yang diluluskan.

Misuari ketika menyambut kesediaan Nadi Perdana menerima tawaran itu berkata, wilayah ARMM dan SPCPD tidak mempunyai pilihan lain melainkan

bergantung kepada kepakaran dan modal luar, terutama daripada kalangan negara-negara Islam bagi mempercepatkan proses pembangunannya yang terabai sejak hampir 30 tahun akibat peperangan antara MNLF dan tentera kerajaan Filipina.

Perjanjian damai MNLF-Manila itu didayausahakan oleh pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dengan Malaysia dan Indonesia turut memainkan peranan utama.

Menurut Misuari, beliau menaruh harapan dan kepercayaan penuh kepada pelabur-pelabur Malaysia kerana kemampuan mereka serta semangat setiakawan dan komitmen yang tinggi yang ditunjukkan pemimpinnya, khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terhadap negara mundur dan umat Islam yang memerlukan pertolongan.

Sebelum ini, beberapa pelabur swasta dan perbadanan kerajaan dari Malaysia telah terbabit atau menunjukkan minat untuk melabur dalam pelbagai sektor di wilayah ARMM dan SPCPD, sama ada secara langsung atau menerusi rangka kerjasama Kawasan Pertumbuhan Asean Timur yang meliputi Brunei-Indonesia-Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

Ia termasuk Ekran Berhad (perhotelan), beberapa perbadanan kemajuan negeri (perikanan, pemprosesan kelapa dan agar-agar dan pengangkutan air), Petronas (petroleum), Lembaga Tabung Haji (perladangan kelapa sawit), Westmont Group dan Wing Tek Holdings (besi waja, perkapalan dan tenaga), SAFMA Sdn Bhd (pengetinan ikan tuna) dan Harrison Holdings (M) Bhd (pemprosesan nanas). -- BERNAMA

AM MA